



مجلس باندرای کوانتن

MAJLIS BANDARAYA KUANTAN | KUANTAN CITY COUNCIL

Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan Pahang Darul Makmur

☎ 09-5121555 / 5121666 / 5052666 🌐 www.mbk.gov.my



**#MajuTerusPahang**

**#Pahang 1<sup>st</sup>**

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : Bil.(104)dIm.MPK/KP:T/2-11 Jld .3

Tarikh : 28 Jun 2021

***Semua Pelesen dan Pemilik Perniagaan  
Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Kuantan***

YH. Dato' Sri/ Dato' Indra/Dato' /Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN PELESENAN  
BIL.01/2021 : PENGIBARAN JALUR GEMILANG DAN BENDERA NEGERI  
PAHANG SEMPENA MEMULIAKAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG AL-SULTAN  
ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM  
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH, DKP., DKM., DK., DMN.,  
SSAP., SIMP., DK.(TERENGGANU), DK.(JOHOR), SPMJ., DKMB.(BRUNEI),  
DK.(KEDAH), DK.(PERLIS), DK.(PERAK), DK.(SELANGOR) DAN SAMBUTAN  
HARI KEMERDEKAAN KE-64 TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu bagi memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada **30 Julai 2021** dan Bulan Kemerdekaan pada tahun ini mulai **15 Ogos 2021 hingga 16 September 2021**. Kerjasama YH. Dato' Sri/ Dato' Indra/Dato' /Tuan/Puan adalah diminta untuk mengibarkan **Jalur Gemilang dan bendera Negeri Pahang** serta memberikan pencahayaan kepada bangunan premis masing-masing sepanjang sambutan tersebut.

3. Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang disambut bagi memuliakan, menzahirkan rasa hormat dan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang manakala Bulan Kemerdekaan ini adalah simbol penting dan merupakan tunjang kepada pemupukan semangat cintakan negara, kesatuan dalam pelbagai bangsa dan agama.

4. Suka diingatkan, bendera Malaysia dan Negeri Pahang adalah lambang kebesaran dan kedaulatan negara dan negeri. Oleh yang demikian, bendera yang dipasang hendaklah dalam keadaan yang baik dan elok. Mana-mana bendera yang telah koyak, bergulung atau telah bertukar warna tidak boleh dikibarkan dan mestilah dikibarkan mulai **26 Julai 2021 hingga 16 September 2021**.

Segala kerjasama YH. Dato' Sri/ Dato' Indra/Dato' /Tuan/Puan dalam hal di atas amatlah diharapkan bagi melahirkan rasa cinta dan kasih kepada negara. Pihak MBK merakamkan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian.

**"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"KUANTAN BANDARAYA INDAH LESTARI"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' HAMDAN BIN HUSAIN, DIMP., SAP., AAP., AMP.)**

Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Kuantan

**s.k**

1. YB. Setiausaha Kerajaan Pahang  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang  
Wisma Sri Pahang  
25503 Kuantan

**Edaran dalaman :-**

1. Setiausaha
2. Pengarah Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan
3. Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
4. Ketua Seksyen Undang-Undang
5. Ketua Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat
6. Fail Timbul

PEKELILINGBENDERA/2021